

FUNGSI DAN ESTETIKA PANTUN DALAM FILEM *GURINDAM JIWA* (1965): SATU KAJIAN BERDASARKAN TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU OLEH MUHAMMAD HAJI SALLEH

(Function and Aesthetics of Pantun in Gurindam Jiwa (1965): A Study Based on Malay Poetics by Muhammad Haji Salleh)

Nadiatul Shakinah Abdul Rahman

nadiatulshakinah@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Nadiatul Shakinah Abdul Rahman. (2025). Fungsi dan estetika pantun dalam filem *Gurindam Jiwa* (1965): Satu kajian berdasarkan Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh. *Malay Literature*, 38(1), 91–114. [https://doi.org/10.37052/ml38\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/ml38(1)no5)

Received: 22/5/2025	Revised: 11/6/2025	Accepted: 17/6/2025	Published online: 26/6/2025
Peroleh:	Semakan	Terima:	Terbit dalam talian:

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double blind peer-review process*)

Abstrak

Pantun merupakan sebuah puisi Melayu tradisional yang terkenal dalam masyarakat Melayu khususnya. Pantun merupakan ciptaan asli masyarakat Melayu. Lazimnya, pantun sering digunakan dalam pelbagai konteks termasuklah dalam acara adat resam, perayaan atau dalam pengungkapan perasaan. Selain itu, pantun juga dijadikan sebagai alat komunikasi sesama masyarakat kerana kehalusan dan keindahan bahasanya. Pantun juga berperanan penting dalam melestarikan budaya dan bahasa Melayu. Satu daripada medium pelestarian pantun adalah menerusi penggunaan pantun dalam filem Melayu. Hal ini kerana pantun dalam filem memainkan peranan penting dalam pelestarian budaya dan bahasa Melayu serta keindahannya yang dapat ditemui dalam filem, terutamanya dalam filem Melayu klasik yang masih relevan dan ditonton sehingga hari ini. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang dalam kajian tentang pantun dalam filem, seterusnya mendorong kepada kajian ini dilakukan khususnya tentang fungsi dan estetika pantun dalam filem

Melayu. Sehubungan dengan itu, makalah ini menganalisis keindahan pantun dan fungsinya dalam filem *Gurindam Jiwa* (1965) lakonan Nordin Ahmad yang diarahkan oleh M. Amin. Makalah ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis pantun dalam dialog filem berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh. Hasil kajian ini memperlihatkan pelbagai fungsi pantun dalam filem ini termasuklah sebagai manifestasi hubungan alam dengan manusia, pengungkapan emosi dan perasaan, bentuk hiburan serta bentuk sindiran dan kritikan sosial. Oleh itu, makalah ini membuktikan bahawa pantun dalam filem memiliki fungsi dan estetikanya yang tersendiri terutamanya dalam filem Melayu. Hal ini secara jelas memperlihatkan elemen pantun dalam filem Melayu sebagai satu daripada bentuk keindahan bahasa dan kelestarian budaya.

Kata kunci: Alam, estetika, *Gurindam Jiwa*, kelestarian, pantun, warisan

Abstract

*Pantun is a traditional Malay poetic form that is widely known and appreciated within the Malay community. It is an original creation of the Malay people. Typically, pantun is used in various contexts, including customary ceremonies, celebrations or the expression of emotions. Moreover, pantun serves as a means of communication in the community due to its refined and beautiful language. It additionally plays an important role in preserving Malay culture and language. One of the mediums of pantun preservation is through its use in Malay films. This is because pantun in films plays an important role in preserving Malay culture and language, as well as showcasing its beauty, especially in classic Malay films that remain relevant and are still watched today. However, there is a research gap regarding pantun in films, prompting this study to be conducted specifically on the function and aesthetics of pantun in Malay films. Accordingly, this paper analyses the aesthetics and function of pantun in the film *Gurindam Jiwa* (1965), starring Nordin Ahmad and directed by M. Amin. This paper employs library research and the analysis of pantun in the film's dialogue based on Malay Poetics by Muhammad Haji Salleh. The findings show the various functions of pantun in the film, including as a manifestation in the relationship between nature and humans, an expression of emotions and feelings, a form of entertainment, as well as a medium for satire and social*

criticism. Therefore, this paper proves that pantun in films possesses its own functions and aesthetics, especially in Malay films. This clearly shows that Malay films incorporate elements of pantun as a form of linguistic aesthetics and cultural sustainability.

Keywords: Nature, aesthetics, Gurindam Jiwa, sustainability, pantun, heritage

PENDAHULUAN

Pantun merupakan satu daripada puisi tradisional asli dan terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu. Pantun merupakan satu bentuk seni lisan yang sudah berakar dalam budaya Melayu sejak berabad lamanya. Menurut Harun Mat Piah et. al (2006), pantun ialah ciptaan asli orang Melayu, bukan saduran atau penyesuaian daripada puisi-puisi Jawa, India, Cina dan sebagainya. Walaupun pantun merupakan sebuah puisi tradisional yang wujud sejak zaman dahulu tetapi, penggunaannya masih relevan sehingga kini. Hal ini kerana pantun sentiasa digunakan, sesuai dengan semua peringkat umur. Malah, pantun bukan sahaja mengandungi pelbagai nasihat dan pengajaran tetapi juga sebagai satu bentuk hiburan. Selain itu, pantun juga merupakan khazanah warisan yang perlu dipelihara agar dapat diwariskan kepada generasi seterusnya. Pantun telah diiktiraf sebagai Warisan Tidak Ketara oleh UNESCO pada 17 Disember 2020, hasil pencalonan bersama oleh Malaysia dan Indonesia (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, 2020).

Pantun adalah sebahagian daripada khazanah warisan budaya Melayu yang perlu dilestarikan sepanjang zaman. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Salinah Ja'afar (2016) menyatakan bahawa pantun merupakan warisan khazanah bangsa Melayu yang amat penting dan bernilai. Walaupun pantun pada hari ini tidak lagi digunakan sebagai bahasa harian dan tidak digunakan secara menyeluruh dalam kehidupan masyarakat Melayu, namun keindahan dan keunikan pantun yang menggambarkan daya pemikiran kreatif bangsa Melayu tidak harus dipandang sepi. Lantaran itu, penggunaan pantun dalam ucapan, majlis perkahwinan, majlis adat, pertandingan, komunikasi harian berupaya membantu melestarikan warisan budaya Melayu. Menurut Nik Safiah Karim (2006), pantun masih segar dan berfungsi, misalnya dalam lagu, dalam majlis formal seperti upacara perkahwinan dan dalam ucapan.

Oleh itu, bagi memastikan kelestarian pantun sebagai warisan masyarakat Melayu, pantun digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan sosial Melayu yang menjadi alat komunikasi sesama masyarakat seperti yang digunakan ketika adat perkahwinan, pertemuan sosial serta dalam ucapan rasmi dan tidak rasmi. Menurut Nurul Haniza Samsudin et. al (2024), masyarakat Melayu zaman dahulu telah menggunakan unsur alam semula jadi dan amalan harian dalam kehidupan sebagai sumber bagi menzahirkan maksud pantun kepada penerima sebagai nasihat, kiasan, jenaka dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu zaman dahulu telah mengaplikasikan konsep komunikasi yang menggunakan bahasa halus berbentuk nasihat, sindiran dan jenaka.

Keakraban hubungan manusia dengan alam juga telah membuktikan bahawa manusia dan alam saling bergantung antara satu sama lain. Penggunaan sumber alam dalam pantun juga memperlihatkan keakrabannya. Menurut Muhammad Haji Salleh (2006), manusia Melayu – Nusantara melihat alam sebagai sebahagian daripada kehidupan yang harus dimakluminya. Hal ini kerana manusia hidup dalam ruangnya seperti di tepi sungai, di tepi laut, di tepi paya, hutan atau bukit. Alam seperti sungai, laut, paya hutan, dan bukit menjadi ruang hidup manusia dan ruang mencari rezeki. Alam diterima sebagai bayangan dunia manusia dan kehidupan alam pula ialah cerminan kehidupan manusia. Alam juga diciptakan untuk menjadi guru manusia. Penggunaan alam dalam pantun khususnya dapat memberikan imej kepada sifat manusia, latar hidup dan perasaan manusia. Dalam hal ini, Nor Sahara Mesman (2022) turut menjelaskan bahawa pantun merupakan puisi yang membicarakan wadah pemikiran masyarakat Melayu dengan memasukkan elemen berunsurkan alam. Penciptaan pantun oleh pencipta pantun yang kreatif mencerminkan manifestasi kognitif kehidupan masyarakat Melayu secara menyeluruh yang menggabungkan alam dengan aspek kehidupan.

Selain itu, pantun bukan sahaja digunakan untuk hiburan dan alat komunikasi masyarakat Melayu tetapi, turut menggambarkan keindahan bahasa dan nilai estetika yang mendalam. Keistimewaan pantun terletak pada kemampuannya untuk menyampaikan maksud, perasaan dan pemikiran tetapi juga digunakan untuk menyampaikan mesej secara halus. Keindahan pantun secara jelasnya dapat dilihat menerusi pembayang dan maksud yang ada dalam setiap rangkap dalam pantun. Hal ini seperti yang disebut oleh Tee Boon Chuan (2021) bahawa pantun yang terjalin hubungan antara pembayang dan maksud ialah pantun yang berjaya melakukan penaakulan analogi. Dalam konteks tersebut, pembayang dan maksud hendaklah mempunyai hubungan analogi dan ibarat.

Dalam konteks makalah ini, fungsi pantun diperlihatkan menerusi filem Melayu yang menjadi bahan asas kajian ini, iaitu melalui filem lakonan Nordin Ahmad bertajuk *Gurindam Jiwa* (1965). Penggunaan pantun dalam filem memainkan peranan penting dalam memperkayakan dan membina naratif, mencipta suasana, menyampaikan tema serta mengembangkan watak-watak dalam filem.

Latar Belakang Filem *Gurindam Jiwa* (1965)

Filem *Gurindam Jiwa* (1965) merupakan arahan M. Amin dan skrip oleh Hamzah Hussin yang diterbitkan oleh Cathay Keris Studio di Singapura merupakan filem lakonan seniman Nordin Ahmad (Md. Salleh Kassim, 2022). Filem *Gurindam Jiwa* (1965) mengisahkan watak sepasang suami isteri, iaitu Dahlan lakonan Nordin Ahmad dan watak Dahlia lakonan Latifah Omar yang hidup bahagia dan tinggal di sebuah desa. Dahlan merupakan seorang pujangga yang gemar dan pandai mencipta pantun dan gurindam di desanya. Bakat yang dimilikinya itu disedari oleh Datuk Abang ketika peraduan pantun dan bercadang untuk membawa Dahlan ke istana. Dahlan berat hati kerana terpaksa meninggalkan isterinya, Dahlia bersama kedua-dua orang tuanya. Bakat berpantun dan bergurindam yang dimiliki Dahlan turut disenangi dan digemari oleh Sultan. Dahlan dijadikan sebagai Pujangga Diraja/Sasterawan Diraja. Dahlan menempuh pelbagai cabaran sepanjang kehidupannya di istana dan dikahwinkan dengan Melati, iaitu anak kepada Datuk Bendahara. Malangnya, Dahlan tidak dibenarkan pulang ke kampung dan bergaul dengan orang bawahan. Keadaan tersebut menyebabkan Dahlan murung dan pantunnya tidak lagi menghiburkan sultan malah, pantunnya penuh dengan duka nestapa. Akhirnya, Dahlan keluar dari istana dan menuju ke desa mencari semula isterinya, Dahlia.

KAJIAN LEPAS

Kajian Filem *Gurindam Jiwa* (1965)

Kajian mengenai filem *Gurindam Jiwa* (1965) tidak memperlihatkan kajian yang begitu menyeluruh. Hal ini adalah kerana kajian terhadap filem ini tidak diberikan tumpuan oleh pengkaji sebelum ini. Kajian Fatin Najlaa Malik et al. (2019) hanya memfokuskan perbandingan kata sendi nama “di” dalam lagu *Gurindam Jiwa* yang terdapat dalam filem tersebut dan terjemahannya dalam bahasa Perancis. Lirik lagu tersebut diperoleh melalui filem *Gurindam Jiwa* (1965). Kajian tersebut menggunakan teori Analisis Kontrastif untuk melihat

perbandingan dari sudut kata sendi nama “di”. Hasil kajian menunjukkan penggunaan kata sendi nama “di” dalam pembentukan frasa sendi nama bahasa Melayu apabila diterjemahkan dalam bahasa Perancis, adalah berbeza dengan penggunaan kata sendi nama dalam frasa sendi nama bahasa Perancis, dan hal ini adalah disebabkan oleh peraturan tatabahasa bahasa Perancis itu sendiri. Penggunaan kata sendi nama “di” yang diterjemahkan kepada bahasa Perancis menjadi *à*, *à l’* atau *à la*. Oleh itu, kajian tersebut hanya menumpukan pada kata sendi nama “di” berdasarkan lirik lagu Gurindam Jiwa dalam filem *Gurindam Jiwa* (1965).

Selain itu, kajian Hairul Anuar Harun (2024) turut menumpukan pada tiga buah lirik lagu nyanyian Nordin Ahmad antaranya *Gurindam Jiwa* dalam filem *Gurindam Jiwa* (1965), *Tak Mungkin* dalam filem *Laila Majnun* (1962) dan *Seri Tambak* dalam filem *Lancang Kuning* (1962). Fokus kajian tertumpu pada pemilihan kata dalam lirik lagu berdasarkan Teori Konseptual Kata Kunci oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan. Berdasarkan penelitian khusus dalam lirik lagu Gurindam Jiwa dalam filem *Gurindam Jiwa* (1965), kajian tersebut mendapati bahawa terdapat dua konsepsi pengarang yang ditemui, iaitu konsepsi pengharapan dan konsepsi kekecewaan. Konsepsi pengharapan merujuk kata “rindu” dan “tak lupa” yang bermaksud hubungan sesama manusia yang memiliki rasa rindu dan tidak mahu berpisah. Hasil dapatan kajian tentang lirik lagu mendapati bahawa frasa “seribu tahun kembali juga” dan “di pintu syurga” memberikan harapan agar hubungan berkekalan lama hingga ke syurga. Manakala konsepsi kekecewaan merujuk kata hendak mati, mati dahulu, bercerai kasih dan hendak berkubur. Kajian ini telah menemukan unsur melankolik yang dapat membantu watak dalam menghayati watak duka lara dan unsur melankolik yang menambahkan rawan hati kepada khalayak. Kajian ini hanya memfokuskan pemilihan kata berdasarkan lirik lagu *Gurindam Jiwa* dalam filem *Gurindam Jiwa* (1965). Selain itu, tiada lagi kajian yang memfokuskan tentang filem ini.

Kajian Teori Puitika Sastera Melayu

Kajian Eizah Mat Hussain et al. (2015) memfokuskan simbol tumbuhan dalam pantun berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu. Penggunaan teori ini hanya berpaksikan prinsip Estetika Pantun, iaitu “kiasan dan saranan” bagi membincangkan prinsip kiasan dan saranan menerusi makna tersirat daripada simbol tumbuhan dalam pantun. Kajian ini menumpukan kepada teks *Pantun Melayu Bingkisan Permata* (2001) yang diselenggara oleh Harun Mat Piah. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa simbol tumbuhan

dalam pantun yang diterokai menerusi tema percintaan, adat istiadat dan budi dan simbol tumbuhan dalam pantun tersebut berfungsi sebagai lambang kesopanan dan kesantunan masyarakat Melayu dalam menyampaikan nasihat dan didikan kepada generasi terkini. Kajian ini hanya memfokuskan satu prinsip kiasan dan saranan dalam estetika pantun dalam *Pantun Melayu Bingkisan Pertama* (2001) melalui teori Puitika Sastera Melayu.

Begitu juga dengan kajian lanjutan oleh Eizah Mat Hussain et al. (2017) yang memfokuskan tentang simbol tumbuhan, juga dalam *Pantun Melayu Bingkisan Permata* (2001) yang memfokuskan satu prinsip sahaja, iaitu prinsip dunia luas yang dipadatkan. Kajian ini menelusuri simbol tumbuhan pertanian yang secara jelasnya memperlihatkan hubungan dan interaksi antara masyarakat Melayu dengan alam, di samping berfungsi sebagai simbol yang melambangkan kepelbagaian makna tersirat bertujuan untuk menyampaikan nasihat dan pengajaran kepada khalayak.

Selain itu, kajian Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2019) menumpukan pada estetika bahasa dalam lima buah novel pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi, iaitu *Bekamorfosis* (2012) karya Jali Kenoi, *Petaka Bakteria* (2012) karya Mohd Kasim Mahmud, *Puranakila* (2015) karya Saadiah Ibrahim, *Ajal* (2015) karya Ruhaini Matdarin dan *Yang Diselindung Samudera* (2017) karya Nor Azida Ishak, Fadli al-Akiti dan Ted Mahsun. Kajian tersebut meneliti gaya bahasa dengan menggunakan teori Puitika Sastera Melayu. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa gaya bahasa yang ditemui dalam novel yang dikaji, iaitu gaya bahasa kiasan seperti peribahasa Melayu, metafora, personifikasi, simile serta gaya bahasa perulangan seperti asonansi dan anafora. Gaya bahasa kiasan lebih dominan berbanding gaya bahasa perulangan yang ditemui dalam novel-novel tersebut. Oleh itu, penggunaan gaya bahasa dalam novel tersebut membuktikan bahawa novel fiksyen sains mementingkan keindahan bahasa yang indah melalui lontaran dialog, peristiwa dan luahan perasaan watak. Tuntasnya, kajian ini menumpukan unsur keindahan gaya bahasa dalam lima buah novel fiksyen sains dengan menggunakan teori Puitika Sastera Melayu.

Seterusnya, Mohd Ridzuan Harun (2022) memfokuskan kajian tentang puisi-puisi Rahimidin Zahari berdasarkan satu ciri yang terkandung dalam teori Puitika Sastera Melayu, iaitu ciri “Dunia Berjodoh”. Antara puisi-puisi tersebut ialah “Sketsa Anak Kampung”, “Kebun”, “Renyai Subuh”, “Jagat”, “Autobiografi”, “Autobiografi II”, “Autobiografi III”, “Autobiografi IV”, “Autobiografi V” dan “Autobiografi 1999”. Hasil kajian ini mendapati bahawa puisi-puisi Rahimidin Zahari banyak mengandungi unsur alam yang digarap

dengan perlambangan, simbol dan cerminan kehidupan peribadinya. Kajian ini hanya menggunakan ciri “Dunia Berjodoh” dalam teori Puitika Sastera Melayu terhadap puisi-puisi Rahimidin Zahari.


Kajian seterusnya berkaitan teori Puitika Sastera Melayu oleh Nur Hikmahtul Aiman Kamarulzaman dan Muhd Norizam Jamian (2023) yang meneliti keindahan luaran gurindam. Kajian ini menggunakan teks *Gurindam Jiwa Penawar Duka* karya Aminuddin Mansor (2018). Hasil kajian menunjukkan bahawa empat ciri dalam teori Puitika Sastera Melayu telah menyerlahkan aspek keindahan luaran gurindam, iaitu dunia berjodoh, muzik seiring kata, sama ukuran atau imbangannya serta sesuai dan patut. Aspek keindahan dunia berjodoh memperlihatkan penggunaan simbol alam, manakala keindahan luaran sama ukuran menampilkan nilai keseimbangan dalam penyusunan kata kalimat. Keindahan luaran muzik seiring kata pula menemukan keunggulan seni dan keindahan yang unik manakala keindahan luaran sesuai dan patut memaparkan setiap perkataan, bentuk dan irama berada dalam landasan yang sesuai dan patut serta memberikan kesan kepada khalayak. Oleh itu, jelaslah bahawa kajian ini hanya menumpukan pada empat ciri dalam teori Puitika Sastera Melayu dalam *Gurindam Jiwa Penawar Duka* (2018).

Kesimpulannya, berdasarkan kajian lepas yang dibincangkan, didapati bahawa kajian berkaitan dengan teori Puitika Sastera Melayu melibatkan kajian yang pelbagai terhadap pantun, gurindam dan puisi. Namun begitu, tidak banyak kajian yang dilakukan terhadap filem *Gurindam Jiwa* (1965). Lantaran itu, makalah ini mengisi kelompangan kajian tentang filem *Gurindam Jiwa* (1965) dengan menggunakan teori Puitika Sastera Melayu yang memfokuskan fungsi dan keindahan pantun dalam filem *Gurindam Jiwa* (1965).

METODOLOGI

Makalah ini merupakan kajian kualitatif dengan kaedah kajian kepustakaan, analisis dokumen dan data diperolehi daripada filem dengan teknik pengumpulan data adalah secara pemerhatian berstruktur menggunakan teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh (2021). Analisis data adalah berpanduan pada fungsi pantun yang telah dikenal pasti dalam filem *Gurindam Jiwa* (1965). Data yang telah dikenal pasti itu dianalisis dengan menggunakan teori Puitika Sastera Melayu (2021) berdasarkan estetika pantun yang telah digariskan oleh Muhammad Haji Salleh, iaitu dunia luas yang dipadatkan,

mainan kiasan dan saranan, dunia berjodoh, sama ukuran, muzik seiring kata serta sesuai dan patut.



Rajah 1 Diubahsuai daripada nilai estetika pantun berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh (2021).

Berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh (2021), nilai pertama estetika pantun adalah dengan meletakkan peraturan bahawa dunia dan makna harus dipadatkan dalam sebuah cakerawala kecil dan kata-kata. Perkara yang dipadatkan itu ialah karya atau hasil seni yang memungkinkan pengalaman dunia yang besar, yang mengambil waktu yang panjang, pergerakan fikiran yang perlahan atau berlarutan yang akhirnya disimpulkan hanya dalam beberapa citra, baris dan perkataan (Muhammad Haji Salleh, 2021).

Kedua, ciri mainan kiasan dan saranan yang diperlihatkan melalui strategi pemaknaan yang canggih dalam melayangkan citra dan makna di hadapan mata kasar serta mata hati khalayaknya. Walaupun terdapat banyak baris-baris yang agak langsung, namun perkara yang unggul ialah kesan dan makna yang sampai kepadanya secara halus dan hampir tidak dirasakan (Muhammad Haji Salleh, 2021).

Ketiga, nilai dunia berjodoh membawa makna bahawa manusia hidup dalam suatu persekitaran alam yang khusus (Muhammad Haji Salleh, 2021). Sebagai penghuni alam, manusia membuktikan dirinya sebagai pemerhati

yang tekun, sabar dan teliti. Unsur harmoni manusia dengan alam membantu menenteramkan dan membantu kehidupan yang sejahtera (Muhammad Haji Salleh, 2021).

Keempat, nilai sama ukuran bermaksud bentuk yang terdiri daripada beberapa bahagian yang berimbang antara satu sama lain. Dalam sebuah karya yang indah, baris-baris pembayang akan mempunyai jumlah suku kata yang sama ukuran, bunyi dan muziknya seperti juga baris-baris maksudnya (Muhammad Haji Salleh, 2021).

Kelima, muzik seiring kata, iaitu bentuk dan kegunaan pantun dengan sendirinya menegaskan peranannya sebagai satu daripada wadah bahasa untuk ucapan yang indah dan merdu dalam iramanya yang saling menaik dan menurun berserta rima silang yang bermain riang. Ulangan bunyi yang mencipta irama dengung dalaman sebagai bertingkah dan bersahut-sahutan (Muhammad Haji Salleh, 2021).

Keenam, nilai keindahannya yang ditemukan dalam mukadimah karya Melayu disebut sebagai patut (Muhammad Haji Salleh, 2021). Umumnya, istilah ini bermaksud sesuai dengan keadaan, tidak melawan arus atau tidak janggal. Maksud patut itu membawakan makna khusus, iaitu yang sesuai untuk sesuatu baris, sesuatu konteks dan sesebuah karya. Patut bermaksud terpilih tetapi terpilih mengikut kesesuaian. Patut juga boleh bermaksud sederhana dan tidak melebihi sempadan. Istilah patut boleh diertikan sebagai sesuai untuk sesuatu konteks dan bertepatan dengan nilai kesederhanaan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Fungsi dan Estetika Pantun dalam Filem

Pantun merupakan bentuk pengucapan yang amat berkesan terutamanya untuk menyatakan sesuatu secara halus. Satu faktor yang menyebabkan pantun begitu mesra dengan jiwa Melayu adalah kerana unsur keindahannya. Bentuk pantun menjadi satu saluran yang amat berkesan bagi menyampaikan perasaan yang halus (Nik Safiah Karim, 2006). Unsur pantun dalam filem juga berupaya membantu dalam aspek kelestarian warisan khazanah budaya serta dapat memperkenalkan budaya warisan tradisional Melayu secara global. Menurut Mohd Taib Osman (2006), pantun merupakan artifak budaya yang berkait dengan budaya dan masyarakat. Pantun dalam budaya memperlihatkan susunan nilai manakala pantun dalam masyarakat merujuk alat komunikasi yang mempunyai fungsi tersendiri. Oleh itu, pantun dalam

filem dapat menghubungkan khalayak dengan nilai-nilai budaya yang terkandung dalam pantun ciptaan orang Melayu.

Pantun dalam filem merupakan elemen sastera yang digunakan untuk memperkaya pengalaman sinematik, baik dari segi budaya, estetika mahupun naratif. Pantun sebagai sebuah bentuk puisi tradisional Melayu yang memiliki pola rima a-b-a-b mengandungi makna yang mendalam dan tersirat, sehinggalah penggunaannya dalam filem dapat memberikan citra warna yang tersendiri kepada cerita yang disampaikan. Penggunaan pantun dalam filem juga memperlihatkan nuansa budaya dan ciri-ciri masyarakat Melayu yang sinonim dengan pantun. Keakraban masyarakat Melayu menerusi elemen dalam pantun yang berunsurkan alam telah membuktikan wujudnya hubungan langsung antara masyarakat dengan latar alam setempat.

Pantun dalam filem juga bukan hanya sebagai elemen estetika yang memberikan kesan keindahan, tetapi juga sebagai saranan untuk menyampaikan nilai-nilai budaya, emosi, dan nasihat dalam cara yang unik dan berkesan. Penggunaan pantun dalam filem bukan sahaja meninggalkan kesan keindahan dalam filem tetapi, memberikan pengalaman indah buat penonton. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Fatin Rabiha Abdul Kadir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2017) bahawa filem Melayu klasik merupakan salah satu wacana seni yang mempunyai nilai estetika dan didapati mengandungi banyak pesanan di sebalik penyampaian ujaran watak-wataknya. Kepelbagaian penggunaan makna implisit yang terdapat dalam filem Melayu klasik yang kaya dengan bahasa kiasan menjadikan filem Melayu klasik sesuatu yang menarik dan mampu diterokai dengan lebih mendalam. Bahasa yang digunakan dalam filem juga mempunyai kekuatan dan peranan tertentu dalam menyampaikan mesej atau makna kepada penonton.

Manifestasi Hubungan Alam dengan Manusia

Alam, dalam konteks pantun, bukan sekadar latar tetapi menjadi simbol dan metafora yang memperkaya makna dalam seni berpantun. Menurut Eizah Mat Hussain, et al. (2018), simbol dalam pantun memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Antaranya termasuklah sebagai manifestasi pemikiran, keinginan, luahan hati, perasaan dan pengalaman hidup yang digambarkan melalui pantun. Simbol yang terdapat dalam pantun memperlihatkan pemikiran dan nilai tinggi masyarakat Melayu yang diambil daripada pengamatan mereka terhadap alam terutamanya alam tumbuhan dan haiwan.

Berdasarkan filem *Gurindam Jiwa* (1965), penggunaan unsur alam yang ditemui dalam pantun dapat dilihat menerusi babak majlis perkahwinan antara Dahlan dan Dahlia (M. Amin, 1965, 2:16):

Ambil parang pergi menebas,
Dahan jatuh merata-rata;
Dulu hamba mergastua bebas,
Karang dijerat si cantik jelita.

Keindahan pantun ini sangat jelas diperlihatkan melalui unsur alam yang digunakan bagi mewakili simbol dan makna tersendiri. Pantun yang diungkapkan Dahlan dalam babak tersebut merujuk dirinya yang dilambangkan sebagai mergastua yang hidup bebas dalam hutan tetapi pada akhirnya telah dijerat dengan seorang wanita jelita, iaitu Dahlia. Dahlan menganalogikan dirinya sebagai mergastua yang sangat sinonim dengan kehidupan dalam hutan, iaitu simbolik kepada Dahlan sebagai penduduk di desa. Unsur alam seperti mergastua dalam pantun ini memperlihatkan nilai estetika seperti yang digariskan dalam teori Puitika Sastera Melayu (2021), iaitu nilai dunia berjodoh. Berdasarkan ciri nilai dunia berjodoh, pantun tersebut memperlihatkan keharmonian manusia dengan alam yang membuktikan manusia adalah sebagai pemerhati dan penghuni alam. Hal ini jelas dibuktikan menerusi watak Dahlan yang memerhati dengan tekun alam sekelilingnya dengan mengaitkan dirinya sebagai mergastua.

Selain itu, babak perkahwinan antara Dahlan dengan Melati turut memaparkan keindahan pantun yang digabungkan dengan unsur alam bagi memberikan dimensi mendalam untuk meraikan nilai kehidupan, memperlihatkan keindahan bahasa serta mengajarkan kearifan dan keharmonian dengan alam (M. Amin, 1965, 52:38):

Buah jambu rasanya manis,
Mari datang dari seberang;
Kain dipandang bertambah manis,
Bagai bulan dipagar bintang.

Pengungkapan pantun ini digunakan dalam majlis perkahwinan antara Dahlan dengan Melati seperti yang disampaikan oleh Mak Andam. Selepas Dahlan menjadi Sasterawan Diraja dan tinggal bersama-sama dengan Datuk Bendahara, Dahlan dikahwinkan dengan anak perempuannya, Melati. Penggunaan unsur alam dalam pantun ini juga turut diserikan dengan peribahasa Melayu, iaitu “bagai bulan dipagar bintang” yang membawa

maksud cocok segala-galanya (Abdullah Hussain, 2024). Berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu, bentuk pantun ini memperlihatkan ciri sama ukuran kerana saling berimbangan antara setiap baris dalam pantun tersebut, iaitu empat kata dalam satu baris. Begitu juga dengan suku kata setiap baris yang saling berimbangan antara sembilan dengan sepuluh suku kata dalam satu baris. Keindahan pantun yang berakar pada alam ini menjadi warisan budaya yang amat berharga dan perlu dilestarikan oleh generasi akan datang.

Unsur alam dalam pantun juga berfungsi untuk menggambarkan latar sosial masyarakat. Dalam kebanyakan pantun, ungkapan pantun dapat dikaitkan dengan nilai budaya, norma sosial dan gaya hidup masyarakat pada tempoh atau tempat tertentu dan dijadikan sebagai tema dan latar dalam pantun. Pantun berperanan sebagai cerminan masyarakat, pola pemikiran serta interaksi sosial yang berlaku dalam kehidupan seharian, di samping diselitkan dengan unsur alam yang bukan hanya menjadi latar cerita dalam pantun, tetapi juga merupakan unsur utama yang membentuk pandangan hidup dan cara berfikir masyarakat Melayu.

Nilai budaya Melayu disampaikan adalah secara halus dan berkesan melalui pantun yang berunsurkan alam. Hal ini disokong oleh Aminuddin Mansor (2015), yang menyatakan bahawa lingkungan pantun diambil daripada segala kehidupan dan alam. Penciptaan pembayang pantun misalnya memperlihatkan pemikiran orang Melayu yang memandang dan merenung jauh alam sebagai analogi dan ibarat untuk menjelaskan gambaran perbandingan alam dengan kehidupan seperti hutan, gunung, tanah subur atau kering kontang, laut yang bergelombang dan berombak serta sungai yang mengalir yang memperlihatkan kekayaan alam Melayu yang dikaitkan dengan kehidupan. Kebanyakan pantun menyentuh tentang perkara yang sangat dekat dengan kehidupan harian masyarakat seperti alam sekitar, adat resam dan interaksi sosial, seperti dalam ungkapan pantun ini (M.Amin, 1965, 12:30):

Tuai padi antara masak,
Esok jangan layu-layuan;
Intai kami antara nampak,
Esok jangan rindu-rinduan.

Melalui rangkap pantun tersebut, penggunaan unsur alam, iaitu padi mewakili Dahlan yang merupakan seorang pesawah yang menjalankan aktiviti pertanian khususnya penanaman padi. Secara umumnya, masyarakat Melayu tradisional mengamalkan penanaman padi sebagai sumber makanan

ruji dan menjadi tunjang kepada sistem ekonomi sejak berabad lamanya. Menurut Azyantee Mohd Zawawi et al. (2022), padi merupakan tanaman yang sinonim dengan kegiatan ekonomi masyarakat Melayu. Padi juga merupakan lambang kepada gaya hidup, sistem sosial dan nilai budaya masyarakat Melayu. Nurul Aminah Basharuiddin dan Hasnah Nohamad (2014) turut menyatakan bahawa masyarakat Melayu ialah masyarakat yang berasaskan ekonomi pertanian, dan buah-buahan merupakan antara tanaman utama selain penanaman padi, jagung dan lain-lain. Aktiviti bersawah yang dilakukan oleh Dahlan saban hari mencerminkan cara hidup dan struktur sosial yang saling berkait rapat dengan alam sekitar, adat resam serta nilai-nilai yang diwarisi turun-temurun. Masyarakat Melayu tradisional amat bergantung dengan padi sebagai sumber rezeki dan kelangsungan hidup seperti yang ditunjukkan melalui watak Dahlan dan Dahlia. Rangkap pantun ini juga memenuhi nilai estetika pantun sama ukuran seperti yang digariskan dalam teori Puitika Sastera Melayu melalui bentuk pantun yang saling berimbang dari sudut penggunaan kata dan suku kata dalam setiap baris yang seimbang. Perkataan dalam setiap baris seimbang dengan empat patah perkataan manakala suku kata bagi setiap baris juga seimbang dengan sembilan suku kata.

Pengungkapan Emosi dan Perasaan

Pantun memiliki kemampuan luar biasa untuk menyampaikan perasaan dengan cara yang singkat tetapi padat. Dalam filem, pantun dapat digunakan untuk menggambarkan perasaan watak tanpa menggunakan dialog yang panjang. Pantun memberikan ruang bagi penyampaian perasaan secara halus dan puitis. Misalnya, watak yang sedang dilanda kerinduan, kekecewaan, percintaan atau kebahagiaan dapat menyuarakan perasaannya melalui pantun yang indah dan penuh makna. Menurut Siti Khariah Mohd Zubir et al. (2018), pantun berfungsi untuk melepaskan rasa kasih sayang dan rindu dendam terutamanya dalam kalangan orang muda. Pantun Melayu juga digunakan untuk meluahkan perasaan kasih sayang dalam kalangan masyarakat Melayu tanpa mengira batasan sama ada rasa sayang antara teruna dengan dara, suami kepada isteri atau anak kepada ibu dan bapa.

Penggunaan pantun dalam filem ini memaparkan keindahan bahasa yang dapat menambah dimensi puitis serta memperkuat interaksi antara watak-watak dalam filem. Malah, pantun yang diungkapkan juga dapat memberikan kesan mendalam kepada penonton dan menghubungkan mereka dengan emosi watak.

Satu daripada babak dalam filem ini yang memaparkan Dahlan dan Dahlia yang sedang melagukan pantun mencerminkan ekspresi emosi mereka terhadap pasangan. Dalam babak ini, penggunaan pantun dalam menyatakan cinta menyuntik unsur keindahan dan kesopanan dalam berbahasa, selaras dengan adat dan tradisi Melayu yang sangat menghargai budi bahasa dan kehalusan (M. Amin, 1965, 13:58):

Burung merpati terbang seribu,
Hinggap seekor di tengah laman;
Hendak mati di hujung kuku,
Hendak berkubur di tapak tangan.

Kalau tuan mudik ke hulu,
Carikan saya bunga kemboja;
Kalau tuan mati dahulu,
Nantikan saya di pintu syurga.

Simbolik burung merpati sering kali dilihat sebagai lambang cinta dan kesetiaan dalam budaya Melayu. Menurut Erwita Nurdianto et al. (2022), masyarakat Banyumas menganggap burung merpati sebagai lambang kasih, cinta dan kesetiaan. Burung merpati sinonim sebagai lambang kesetiaan kerana setiap kali burung itu terbang, burung merpati akan kembali semula ke tempat asal pasangannya. Terdapat juga metafora yang menggambarkan burung merpati sebagai burung yang setia dengan pasangan dan tidak pernah mengingkar janji jika dibandingkan dengan burung-burung yang lain (Erwita Nurdianto et al., 2022). Ungkapan dalam pantun, iaitu “burung merpati terbang seribu” menggambarkan perjalanan jauh atau suatu usaha yang penuh perjuangan. Namun, meskipun terbang jauh, burung tersebut akhirnya hinggap di tengah laman, tempat yang lebih dekat atau mungkin tempat yang paling dicintai. Dalam hal ini, digambarkan bahawa seseorang yang mencintai akan tetap kembali dan setia di tempat asalnya, meskipun sudah melalui banyak halangan dan cabaran. Hal ini menunjukkan kesetiaan dan cinta yang tidak pernah pudar walaupun diuji oleh jarak atau masa. Baris ketiga dan keempat pula menggambarkan perasaan yang sangat mendalam, iaitu seseorang ingin berada begitu dekat dengan orang yang dikasihinya, seperti mati di “hujung kuku” atau berada sedekat yang mungkin. “Tapak tangan” pula melambangkan tempat yang sangat dekat dengan seseorang, seolah-olah menginginkan untuk selalu berada dalam pelukan atau penjagaan orang yang dikasihi sama ada dalam hidup dan mati. Menurut Hairul Anuar Harun (2024), frasa “hendak mati di hujung kuku” bermaksud menyatakan

hasrat agar tidak mahu berpisah dan ingin terus bersama manakala frasa “hendak berkubur di tapak tangan” menggambarkan rasa kekecewaan dan harapan agar kematian itu tidak pernah berlaku. Oleh itu, jelaslah bahawa rangkap pantun pertama ini menunjukkan rasa cinta yang begitu mendalam dan tulus antara Dahlia dan Dahlan sehingga ingin berada dalam dekat dan berada dalam jagaan orang yang dicintainya hingga akhir hayat.

Dalam rangkap pantun kedua pula, bunga kemboja digunakan dalam baris kedua, iaitu sinonim dengan simbol kecantikan, kedamaian, dan juga sering ditemukan di kawasan perkuburan yang melambangkan suatu keabadian atau penghormatan kepada orang yang telah meninggal. Menurut Muharam Awang dan Zubir Idris (2023), dalam konteks masyarakat Melayu sudah menjadi adat dan kebiasaan untuk menanam pohon kemboja di tanah perkuburan. Selain menjadi penghias di kuburan, bunga kemboja dilihat sebagai simbol kasih sayang berpanjangan serta ingatan berterusan untuk yang masih hidup terhadap si mati. Simbolik bunga kemboja juga diibaratkan seperti menyambut dan menghantar pulang sesiapa jua yang menziarahi tanah perkuburan.

Oleh itu, jika diamati, maksud pantun tersebut mencerminkan permintaan yang penuh makna dari seorang yang menginginkan sesuatu yang berharga dan bermakna sebagai simbol cinta atau harapan. Dalam konteks ini, pantun tersebut mencerminkan permintaan agar si kekasih (merujuk suami atau isteri) membawa bunga kemboja sebagai simbol kasih sayang, yang mungkin melambangkan harapan agar hubungan itu kekal, atau sebagai penghormatan terhadap orang yang akan pergi. Baris ketiga dan keempat dalam rangkap dua bermaksud harapan seorang kekasih (merujuk suami atau isteri) kepada pasangannya agar mereka dapat bertemu kembali di “pintu syurga”, sebagai simbol cinta yang abadi dan kesetiaan yang tidak terpisah oleh maut. Hal ini menggambarkan keyakinan dalam cinta yang tidak mengenal batasan, bahkan kematian sekalipun. Berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu (2021), kedua-dua rangkap pantun tersebut memperlihatkan makna lambang yang amat bertepatan dengan ciri nilai mainan dan kiasan. Dalam hal ini, nilai mainan dan kiasan adalah dalam memberikan kiasan makna cinta kepada pasangan yang telah disampaikan secara halus walaupun kiasan alam yang digunakan diperlihatkan secara mata kasar.

Pengungkapan pantun dalam meluahkan perasaan turut diperlihatkan melalui watak Buyung dalam filem ini. Buyung dalam diam menaruh hati dan perasaan kepada Dahlia. Sejak pemergian Dahlan, Buyung cuba untuk mendekati Dahlia. Luahan perasaan Buyung terhadap Dahlia sangat jelas

digambarkan dalam pantun sebagai satu isyarat perasaannya kepada Dahlia (M. Amin, 1965, 32:31).

Sungguh manis si buah pauh,
 Sayang cempedak gugur bunganya;
 Apa dikenang orang yang jauh,
 Orang yang dekat apa kurangnya.

Rangkap pantun ini menggunakan unsur alam seperti buah pauh dan cempedak. Ungkapan “sungguh manis si buah pauh” menggambarkan sesuatu yang indah dan menyenangkan, sementara “sayang cempedak gugur bunganya” memberi isyarat tentang kehilangan sesuatu yang indah. Baris pertama dan kedua dalam rangkap pantun ini melambangkan penyesalan atau kerinduan terhadap sesuatu yang indah dan berpotensi menjadi sesuatu yang lebih. Cempedak yang gugur bunganya membawa makna tersirat tentang hubungan yang tidak berkembang atau perasaan yang telah lama terpendam.

Rangkap pantun ini mengungkapkan pertanyaan tentang sebab sering mengenang atau merindui orang yang jauh (baik secara literal atau dalam hubungan), sementara orang yang berada di dekat sering diabaikan atau tidak dihargai sepenuhnya. Terdapat kesan kerinduan yang lebih mendalam terhadap sesuatu yang jauh, meskipun yang dekat sebenarnya lebih berharga juga. Dalam hal ini, Buyung cuba untuk memberi isyarat perasaannya kepada Dahlia. Buyung turut meminta Dahlia supaya tidak mengenang Dahlan yang jauh tetapi, untuk melihat dirinya yang berada di depan Dahlia. Situasi ini disokong oleh Mohd Taib Osman (2006) yang menyatakan bahawa pantun berfungsi sebagai artifak budaya yang memberikan ruang kepada individu untuk mengungkapkan sesuatu yang hendak dinyatakan daripada menggunakannya sebagai pepatah walaupun ditujukan kepada individu khusus yang disasarkannya atau situasi tertentu yang menjadi renungannya hinggalah kepada pernyataan hasrat hati secara paling peribadi. Berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu (2021), ungkapan pantun ini memenuhi nilai mainan kiasan dan saranan yang secara jelasnya menunjukkan luahan perasaan seorang lelaki kepada wanita yang disampaikan secara kiasan tetapi memberikan kesan makna emosi dan perasaan yang secara halus.

Bentuk Hiburan

Pantun memiliki fungsi yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat tradisional Melayu, dan satu daripadanya adalah sebagai hiburan. Selain digunakan untuk menyampaikan nasihat, perasaan atau nasihat dari aspek

moral, pantun juga berperanan dalam memberikan kesenangan dan kelegaan kepada pembaca atau pendengarnya melalui kelucuan, kreativiti berbahasa dan keindahan rimanya. Pantun bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan bagi pengisi waktu lapang, tetapi juga membantu mengeratkan hubungan sosial dan memberikan kegembiraan dalam kehidupan seharian.

Pantun yang mengandungi unsur lucu, permainan atau pembalikan makna boleh menceriakan suasana dalam pelbagai majlis atau pertemuan sosial. Hal ini dapat dilihat melalui rangkap pantun yang diungkapkan sewaktu Dahlan menjalani ujian berpantun di hadapan sultan (M. Amin, 1965, 29:02):

Berapa harga sebiji lada,
Selangkah jalan ke Tanjong Tokong;
Berapa harga seorang janda,
Hanya semangkuk sayur kangkung.

Pantun yang diungkapkan oleh Dahlan ini telah menghidupkan suasana ketika acara berpantun di hadapan sultan. Sultan terhibur dan tertawa mendengar pantun yang diungkapkan oleh Dahlan itu. Keindahan pantun tersebut diperlihatkan menerusi mainan kata-kata dan struktur rima. Selain hiburan, pantun juga bertujuan untuk mendamaikan dan mengeratkan hubungan antara individu dengan masyarakat sekeliling. Pantun bukan sekadar medium untuk menyampaikan nasihat atau perasaan, tetapi juga berperanan sebagai hiburan yang mampu menceriakan suasana. Menurut Norazimah Zakaria et al. (2017), nilai keindahan dan pengajaran yang terdapat dalam pantun Melayu menjadi suatu wadah sumber hiburan dan pemikiran masyarakat Melayu tradisi. Walaupun pantun berfungsi sebagai sumber hiburan, namun kandungan pantun juga mengandungi unsur didaktik dan pengajaran kepada khalayak pendengar.

Melalui permainan kata yang cerdas, rima yang indah dan kemampuan untuk membawa unsur humor, pantun menjadi satu daripada cara untuk menghiburkan orang ramai, mengurangkan ketegangan dan merapatkan hubungan sosial. Berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu, ungkapan pantun dalam rangkap ini adalah bertepatan dengan nilai muzik seiring kata yang memperlihatkan setiap bait kata dalam pantun itu diungkapkan dengan irama yang menaik dan menurun serta rima silang yang bermain riang.

Bentuk Sindiran dan Kritikan Sosial

Pantun sebagai bentuk sindiran dan kritikan sosial juga memainkan peranan yang sangat penting dalam budaya masyarakat Melayu, terutamanya dalam

mengekspresikan pendapat, ketidakpuasan hati atau mengkritik isu sosial dengan cara yang halus dan penuh seni bahasa. Sindiran dan kritikan sosial dalam pantun diekspresikan melalui penggunaan gaya bahasa yang ringkas, berirama dan berunsur puitis, tetapi sering kali mengandung makna yang lebih mendalam dan tajam. Pantun sering digunakan sebagai sindiran halus terhadap individu, kelompok atau terhadap amalan yang dianggap tidak wajar atau bertentangan dengan norma sosial. Melalui permainan kata dan kiasan, pantun dapat menyampaikan kritikan secara tidak langsung tanpa menyinggung perasaan secara terang-terangan. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Salinah Ja'afar (2016) menjelaskan bahawa melalui pantun, budaya masyarakat Melayu tradisional yang tidak mengkritik secara berterus terang tetapi secara halus dapat diaplikasikan. Sebarang nasihat atau sindiran yang ingin disampaikan akan dibuat dengan begitu halus dan teliti. Sindiran yang diselitkan dengan unsur jenaka dalam pantun bukan sahaja dapat menyedarkan orang yang disindir, bahkan juga dapat mengelakkan berlakunya ketegangan antara orang yang menyindir dengan orang yang disindir.

Selain sindiran, pantun juga digunakan sebagai alat untuk mengkritik keadaan sosial, seperti ketidakadilan, penindasan atau keadaan sosial yang tidak seimbang. Pantun yang berbentuk kritikan sosial sering kali ditujukan untuk membuka mata masyarakat tentang isu-isu penting yang berlaku di sekitar mereka. Menurut Mazarul Hasan Mohamad Hanapi et al. (2021), kritikan sosial dalam pantun dan peribahasa lebih menjurus kepada pesanan, teguran dan nasihat dalam kalangan masyarakat Melayu yang biasanya tinggal secara kolektif. Contoh sindiran dalam pantun boleh dilihat melalui ungkapan dalam babak yang berikut (M. Amin, 1965, 16:14):

Baik-baik menangkap tenggiri,
 Jangan sampai disengat sembilang;
 Baik-baik merendah diri,
 Jangan sampai menjadi hamba orang.

Ikan sembilang dibawa balik,
 Makan beramai buat kenduri;
 Pantang larang datuk nenek,
 Perangai sombong meninggi diri.

Buat kenduri malam Jumaat,
 Ikan dimasak gulai pekat;
 Terlampau banyak pantang dan adat,
 Jadikan bangsa majunya tersekat.

Secara ringkasnya, ketiga-tiga rangkap pantun tersebut menyindir sifat individu yang sombong kerana manusia perlu dididik dengan memiliki sifat merendah diri. Selain itu, pantun ini juga mengkritik sikap manusia yang sering berlebihan mengikut tradisi dan pantang larang. Sikap berlebihan ini telah menghalang kemajuan individu dan masyarakat. Sindiran dan kritikan yang diungkapkan itu memperlihatkan kesenian dan keindahan bahasa dengan penggunaan unsur alam dan dituturkan secara berjenaka oleh watak Dahlan dalam filem ini. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Salinah Ja'afar (2016) menegaskan bahawa jenaka dalam pantun Melayu digubah dengan pelbagai tujuan. Selain sebagai gurauan, jenaka dalam pantun menunjukkan pemikiran masyarakat Melayu tradisi yang mementingkan adab dan sopan dalam menyampaikan sindiran, gurauan, pengajaran, nasihat dan pelbagai pengetahuan hidup menggunakan flora dan fauna sebagai sumber ilham mereka. Malah, pantun sebagai alat sindiran dan kritikan sebenarnya mengandungi makna dan memberikan kesan yang mendalam kepada masyarakat. Walaupun adat dan tradisi penting dalam mengekalkan identiti budaya, namun sekiranya terlalu mengekang atau terlalu berpegang pada adat tradisi boleh menyebabkan kemunduran. Oleh itu, masyarakat seharusnya menyesuaikan diri dengan perubahan zaman agar terus maju, dan dalam pada masa yang sama mengimbangi dan menghormati tradisi serta menerima perubahan untuk kemajuan dan pembangunan bangsa. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Mazarul Hasan Mohamad Hanapi et al. (2021) bahawa kritikan sosial yang wujud dalam pantun Melayu tradisional bukanlah datang sebagai hiburan semata-mata sebaliknya mempunyai makna yang mendalam. Pantun mempunyai unsur metafora sehingga dapat membentuk kritikan yang sinis dan tajam. Berdasarkan teori Putika Sastera Melayu (2021), ungkapan pantun dalam contoh rangkap ini adalah bertepatan dengan nilai sesuai dan patut, iaitu setiap perkataan yang digunakan dalam setiap baris adalah patut dan bersesuaian mengikut konteks dan tidak memperlihatkan sebarang kejanggalan.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini mendapati bahawa pantun dalam filem *Gurindam Jiwa* (1965) bukan sekadar alat untuk menghiasi dialog antara watak tetapi, tetapi juga berfungsi sebagai manifestasi hubungan alam dengan manusia, pengungkapan emosi dan perasaan, bentuk hiburan serta bentuk sindiran dan kritikan sosial. Pantun dalam filem mampu memperkaya cerita, memberikan kedalaman makna kepada watak dan memperkuat tema serta mesej moral yang ingin disampaikan. Keindahan pantun khususnya dalam filem yang disampaikan

melalui pertuturan dialog watak dalam filem memperlihatkan penggunaan unsur alam yang ditemui dalam pembayang pantun. Ungkapan pantun dalam filem juga sebenarnya mampu untuk mendidik penonton, memberikan mesej dan pengajaran, menyampaikan nasihat serta dapat menghiburkan penonton. Keindahan pantun dalam terletak pada kemampuannya untuk menghubungkan bahasa dengan perasaan serta menggugah emosi penonton. Dengan menggunakan pantun, filem dapat menjadi lebih bermakna, berwarna, dan kaya dengan nilai budaya, sekali gus mengangkat keindahan bahasa Melayu di persada seni perfileman.

Keindahan pantun dalam filem yang dibahaskan dalam makalah ini telah memperlihatkan keunggulannya pemikir Melayu dan bertepatan dengan estetika pantun yang digariskan dalam Teori Putika Sastera Melayu (2021) oleh Muhammad Haji Salleh. Hasil dapatan kajian memperlihatkan beberapa rangkap pantun yang digunakan dalam filem ini bertepatan dengan lima nilai estetika pantun dalam Teori Puitika Sastera Melayu seperti dunia berjodoh, sama ukuran, nilai mainan dan kiasan, muzik seiring kata serta sesuai dan patut.

Diharapkan makalah ini dapat memberikan sumbangan dan pendedahan kepada khalayak mengenai fungsi dan keindahan pantun khususnya dalam filem. Oleh itu, disarankan agar kajian mendatang mengenai pantun dan filem sewajarnya diberikan perhatian yang sebaiknya oleh pengkaji seterusnya.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia, Geran Jangka Pendek dengan No. Projek: 304/PHUMANITI/6315759

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebagai konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abdullah Hussain (Peny.) (2024). *Kamus istimewa peribahasa Melayu edisi kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminuddin Mansor. (2015). *Akal budi Melayu dalam pantun dan sajak*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azyantee Mohd Zawawi, Nurmasitah Mat Hassan dan Nordiana Ab Jabar. (2022). Fungsi bunga-bunga dalam teks pantun Melayu *Bingkisan Permata*. *TENIAT*, 10, (2), 41–56. <https://doi.org/10.47252/teniat.v10i2.953>
- Eizah Mat Hussain, Nurhamizah Hashim & Nur Yuhanis Mohd Nasir. (2017). Simbol tumbuhan dalam *Pantun Melayu Bingkisan Permata*. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 23-35. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol8.3.2017>
- Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Salinah Jaffar. (2015). Simbol tumbuhan dalam pantun dari perspektif Puitika Sastra Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26, 235–255. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9702>
- Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Salinah Jaafar. (2018). Simbol alam dalam pantun daripada perspektif Puitika Sastra Melayu. Dalam Rahimah A. Hamid & Nurul Farhana Low Abdullah (Ed.). *Akal budi dalam sastra rakyat naratif dan bukan naratif*. Penerbit Universiti Sains Malaysia, pp. 90–111.
- Erwita Nurdyanto, Gita Anggria Resticka & Sri Nani Hari Yanti. (2022). Ekoleksikon burung merpati sebagai suplemen pembelajaran bahasa berbasis lingkungan: Perspektif ekolinguistik. *Semiotika*, 23(1), 1–13. <https://doi.org/10.19184/semiotika.v23i1.24367>
- Fatin Najlaa Malik, Omrah Hassan @ Hussin & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2019). Perbandingan penggunaan kata sendi nama “di” dalam lagu Gurindam Jiwa dan terjemahannya dalam bahasa Perancis. *Jurnal Lingusitik Melayu*, 23(2), 51–60. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/66>
- Fatin Rabiha Abdul Kadir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Ujaran implisit dalam filem Melayu klasik Sri Mersing. *International Journal of Language Education and Applied Linguistic (IJLEAL)*, 6, 13–24. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v6.504>
- Hairul Anuar Harun. (2024). Melankolik dalam lirik lagu nyanyian Nordin Ahmad. Dalam Sohaimi Abdul Aziz (Peny.). [Prosiding]. *Prosiding Seminar Seniman Nordin Ahmad: Dari Seberang Perai ke Singapura..* pp. 97–114.
- Harun Mat Piah. et. al. (2006). *Kesusasteraan Melayu tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Amin. (1965). *Gurindam Jiwa*. [Filem]. Cathay Keris. Diakses pada 1 Oktober 2024 di pautan <https://www.youtube.com/watch?v=uJJz4xOdA0I>

- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. (2020, 17 Disember). *Pengiktirafan upacara Ong Chun/Wangchuan/Wangkang dan pantun di bawah Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity UNESCO tahun 2020*. [Siaran media]. <https://www.motac.gov.my/media2/siaran/pengiktirafan-upacara-ong-chun-wangchuan-wangkang-dan-pantun-di-bawah-representative-list-of-the-intangible-cultural-heritage-of-humanity-unesco-tahun-2020>
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria, Abu Zarrin Selamat, & Norfaizah Abdul Jobar. (2021). Metafora sebagai kritikan sosial dalam pantun membentuk nilai insan. *International Journal of Creative Industries (IJCREI)*, 3(6), 31–41. 10.35631/IJCREI.36003
- Md. Salleh Kassim (Peny.). (2022). Fakta filem Malaysia (1933-2021) *Menyelusuri perkembangan filem tanah air* [e-book].
- Mohd Ridzuan Harun. (2022). Dunia berjodoh dalam puisi Rahimidin Zahari. *The International Journal of Arts, Culture & Heritage (iJACH)*, 8, 25–48. 2289-5051_iJACH_Vol 8_Issue 2_Dec 2022
- Mohd Taib Osman. (2006). Penelitian pantun: Antara refleksi budaya dengan ekspresi pemantun (individu). Dalam Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (Ed.). *Pandangan semesta Melayu: Pantun*. Dewan Bahasa dan Pustaka, pp. 88–135.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). Dalam daun ada bicara: Falsafah alam pantun Melayu. Dlm. Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (Ed.). *Pandangan semesta Melayu: Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, pp. 1-34
- Muhammad Haji Salleh. (2021). *Puitika Sastera Melayu Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muharam Awang & Zubir Idris. (2023). Analisis kritis gaya bahasa perbandingan puisi Usman Awang. *Akademika*, 93(1), 205–218. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9301-15>
- Nik Safiah Karim. (2006). Keindahan bahasa Melayu dalam pantun. Dlm. Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (Ed.). *Pandangan semesta Melayu: Pantun*. Dewan Bahasa dan Pustaka, pp. 136–155.
- Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hamida Abdul Mutalib, Alizah Lambri, Siti Salwa Jamaldin, Mashitah Sulaiman, & Rosmah Derak. (2017). Akal budi dan cerminan jati diri Melayu dalam Pantun. *Jurnal Sultan Alaudin Sulaiman Shah*, 4(2), 89–97. <https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/105>
- Nor Sahara Mesman. (2022). Manifestasi penciptaan pantun berlagu dalam Cerita Rakyat Negeri Pahang. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(1), 27–34. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.1.4.2022>
- Nur Hikmahatul Aiman Kamarulzaman & Muhd Norizam Jamian. (2023). Keindahan luaran *Gurindam Jiwa Penawar Duka* dari perspektif Puitika Sastera Melayu. *Jurnal Melayu, Isu Khas*, 152–166. <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/68829>

- Nurul Aminah Basharuddin dan Hasnah Nohamad. (2014). Interpretasi pantun daripada perspektif semiotik. *Jurnal Linguistik*, 18(1), 1–9. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/28/23>
- Nurul Haniza Samsudin, Rahmad Aydil Ali Akhbar & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2024). Pantun sebagai medium komunikasi dalam warisan kearifan tempatan: Satu penelitian awal. *E-prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK 9 2024)*. Penerbit Universiti Islam Selangor.
- Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2019). Unsur estetika bahasa dalam novel-novel pemenang sayembara fiksiyen sains dan teknologi dari tahun 2012 sehingga 2017. *MANU*, 30, 189–212. <https://doi.org/10.51200/manu.v30i.1926>
- Siti Khariah Mohd Zubir, Nor Suhana Abd Majid & Zarima Mohd Zakaria. (2018). Pantun warisan nenek moyang sebagai wahana kehidupan dahulu dan kini. Dalam Rahimah A. Hamid & Nurul Farhana Low Abdullah (Ed.). *Akal budi dalam sastera rakyat naratif dan bukan naratif*. Penerbit Universiti Sains Malaysia, pp. 112–124.
- Tee Boon Chuan. (2021). Pantun sebagai bahan dan tradisi logik Melayu berdasarkan hubungan makna pembayang-maksud. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(2), 263–284. [http://doi.org.10.37052/jm.14\(2\)no6](http://doi.org.10.37052/jm.14(2)no6)
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Salinah Ja'afar. (2016). Pemikiran, diksi dan bentuk jenaka dalam pantun Melayu. Dalam Salinah Ja'afar et. al. (Ed.). *Wacana Pantun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, pp. 114–141.